

Biografi Ketokohan Tok Kenali

Luqman Hakim Mohd Hussin
Muhammad Munir Mustafa
Mohd Shamsul Mohd Shoid
Abdul Rahman Ahmad


**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Transkrip temubual ini adalah antara pelajar UiTM iaitu Luqman Hakim dan juga Muhammad Munir dengan Ustaz Hafiz Hukmi Bin Wardi yang merupakan cicit kepada Tok Kenali. Temubual ini di jalankan bertujuan untuk membuat kajian tentang biografi Ketokohan Tok Kenali yang mempunyai nilai warisan kepada Malaysia. Ketokohan Tok Kenali pada ketika itu menyebabkan beliau dikenali oleh kerana tingginya nilai ilmu agama yang ada padanya. Jadi kami telah memilih tajuk Ketokohan Tok Kenali kerana beliau adalah seorang tokoh ulama' yang terkenal di seluruh nusantara terutamanya di Malaysia pada suatu masa dahulu. Selain itu, kami memilih tajuk ini kerana ingin memelihara akan sejarah negeri Kelantan kerana kebanyakan masyarakat masa kini terutamanya generasi muda tidak mengenali ulama' seperti Tok Kenali. Dengan membuat kajian ini, kami dapat berkongsi dengan masyarakat tentang sejarah Tok Kenali serta sumbangannya kepada masyarakat suatu masa dahulu. Tok Kenali juga seorang ulama' yang bertaraf wali Allah S.W.T kerana ilmunya di dalam pelbagai bidang termasuk Tauhid, Feqah, Tasawwuf dan banyak lagi. Beliau juga merupakan pencetus kepada sistem pengajian Pondok di tanah Melayu pada masa dahulu.

Kata kunci: Tok Kenali, Ulama', Masjid Muhammadi, Pondok Tok Kenali, Karamah, Kubang Kerian

Latar Belakang Tok Kenali**Rajah 1: Tok Kenali**

Tok Kenali atau nama penuh beliau ialah Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad dilahirkan pada tahun 1870. Perkara tersebut mengikut riwayat beberapa fakta sejarah dan ada dua maklumat atau dua fakta iaitu Tok Kenali dilahirkan pada tahun 1868 dan yang kedua 1870 tapi fakta tersebut lebih dipersetujui oleh orang ramai dimana Tok Kenali lahir pada tahun 1870. Beliau dilahirkan di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kelantan. Beliau pernah berkahwin sebanyak dua kali iaitu kali pertama ketika Tok Kenali berusia 17 tahun. Tapi jodoh mereka tidak panjang dan mereka bercerai ketika Tok Kenali berusia 18 tahun sebelum berangkat ke Makkah untuk menyambung pengajian beliau.

Setelah bapanya meninggal dunia, Tok Kenali dijaga sepenuhnya oleh datuk dan neneknya iaitu Tok Mek Ngah dan turut diawasi oleh ibunya. Tok Mek Ngah sangat menyayangi Tok Kenali dan menurut cerita guru-guru pondok, Tok Mek Ngah tidak akan memberikan makanan kepada Tok Kenali melainkan makanan itu adalah masakan Tok Mek Ngah sendiri. Menurut Tok Guru Pondok juga, Tok Mek Ngah tidak memberi makan kepada Tok Kenali melainkan masakannya kerana menurut fitrah. Majlis Memperingati Tokoh Ulama' Nusantara "Tok Kenali" (2018). Ianya lebih bersih dan dapat mengelakkan makanan yang haram dan syubhah dimakan oleh Tok Kenali dan itu akan menyebabkan kerasnya hati seseorang.

Tok Kenali mendirikan rumah tangga untuk kali kedua dengan Siti Rokiah dan dikurniakan Allah S.W.T cahaya mata seramai empat orang lelaki. Bapa Tok Kenali meninggal ketika beliau berusia 5 tahun dan dijaga oleh ibu, datuk dan juga nenek beliau. Tok Kenali mula mendapat pendidikan awal tentang ilmu agama dengan datuk beliau sendiri. Tok Kenali belajar membaca Al-Quran dengan datuk beliau dan datuk beliau juga sering membawa Tok Kenali untuk pergi ke rumah-rumah kawannya dan belajar tentang ilmu agama Islam. Dari situ timbulnya minat Tok Kenali terhadap ilmu agama. Dikurniakan keistimewaan oleh Allah S.W.T dimana Tok Kenali sudah boleh membaca Al-Quran diusia yang tersangat muda sehingga mampu untuk mengajar orang tua membaca Al-Quran dan pandai juga dalam ilmu matematik.

Kehidupan Awal Tok Kenali

Di usia 7 tahun, Tok Kenali sudah mula bekerja dengan Tok Penghulu kerana beliau mahir dalam ilmu matematik. Tok Penghulu meminta izin daripada datuk Tok Kenali untuk menjadikan Tok Kenali sebagai penolong beliau ketika bekerja kerana Tok Penghulu kurang mahir dalam ilmu matematik. Tok Kenali bekerja bersama Tok Penghulu selama setahun sebelum meminta izin untuk berhenti demi menyambung pelajaran di Masjid Muhammadi di Kota Bharu.

Tok Kenali hanya berjalan kaki dari Kubang Kerian ke Kota Bharu untuk menuntut ilmu di Masjid Muhammadi dan hampir setiap hari beliau berulang-alik dari Kubang Kerian ke Kota Bharu. Dalam masa yang sama, Tok Kenali akan membantu orang kampung yang ingin mengirim sesuatu atau membeli

sesuatu di Kota Bharu, Tok Kenali akan bertanyakan pada semua orang dan beliau akan menolong orang kampung untuk membeli apa yang dikirim oleh orang kampung pada ketika itu.

Tok Kenali belajar di Masjid Muhammadi sehingga berusia 18 tahun sebelum menyambung pengajian di Kota Makkah selama 22 tahun.

Menyambung Pelajaran di Makkahtul Mukaramah

Pada usia 18 tahun, Tok Kenali menyambung pelajaran di Kota Makkah dengan menaiki kapal. Beliau hanya dibekalkan dengan RM22 untuk bekalan belajar di Makkah dan RM50 lebih untuk perbelanjaan di atas kapal. Perjalanan dari Kelantan ke Kota Makkah dengan menaiki kapal sepatutnya mengambil masa selama tiga bulan tapi Allah memberi ujian pertama kepada orang-orang di atas kapal tersebut termasuk Tok Kenali dimana kapal yang dinaiki rosak dan masa yang diambil untuk sampai ke Makkah ialah 9 bulan dan mungkin setahun. Ada beberapa orang yang meninggal kerana kehabisan bekalan makanan ketika kapal mereka rosak dan Tok Kenali berdakwah untuk pertama kali di atas kapal tersebut dengan mengingatkan semua orang tentang ujian Allah dengan bercerita tentang kisah-kisah yang terdapat di dalam Al-Quran. Tok Kenali mengingatkan semua orang bahawa makanan dan minuman orang Muslim bila ketibaan Dajjal ialah zikir. Semua penumpang atas kapal mendengar nasihat atau dakwah yang disampaikan Tok Kenali dan berzikir sehingga kapal yang dinaiki oleh mereka tiba di destinasi.

Untuk enam bulan pertama Tok Kenali di Makkah, beliau tidak menyewa rumah atau bilik kerana tidak mahu menghabiskan bekalan duit yang ada dan hanya tinggal di Serambi Makkah. Tok Kenali pernah bekerja sebagai pencuci kitab di sebuah kedai kitab dan tidak mahu dibayar dengan duit, Tok Kenali hanya ingin membaca kitab yang berada di kedai itu sebagai upah. Tok Kenali juga pernah menjadi tukang masak di Makkah dimana beliau sering memasak untuk kawan-kawan atau mana-mana orang di Makkah yang mengupahnya untuk memasak kerana salah satu kepakaran Tok Kenali ialah memasak. Tok Kenali akan menerima tempahan pada hujung minggu kerana pada hari biasa beliau akan pergi ke kelas untuk menuntut ilmu.

Selama 22 tahun Tok Kenali belajar di Makkah, ada beberapa kali beliau pergi ke Beirut dan Mesir untuk belajar ilmu agama dengan guru-guru lain. Di Makkah, Tok Kenali mempunyai seorang guru kesayangan beliau iaitu Tuan Guru Haji Ahmad Al-Fathoni atau lebih dikenali sebagai Tok Wan Ahmad. Tok Kenali sangat menghormati Tok Wan Ahmad. Selepas enam bulan tinggal di Serambi Makkah, Tok Wan Ahmad mengajak Tok Kenali untuk tinggal bersama dengan beliau. Tok Wan Ahmad mengetahui bahawa Tok Kenali mempunyai keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. Tok Wan Ahmad merupakan ulama' besar di Makkah pada ketika itu.

Selepas kematian Tok Wan Ahmad pada tahun 1908, Tok Kenali pulang ke Kelantan pada tahun 1909 pada usia 40 tahun. Selain itu, Tok Kenali sangat bersedih atas kematian Tok Wan Ahmad kerana Tok Wan Ahmad merupakan guru kesayangan beliau dan selepas Tok Wan Ahmad meninggal dunia, Tok Kenali mengambil keputusan untuk pulang ke Kelantan selepas 22 tahun di Makkah.

Menjadi guru agama di Kelantan dan menyelaras sistem pondok.

Selepas pulang daripada Makkah, Tok Kenali tidak pulang terus ke rumah tetapi beliau pergi mengajar di Masjid Muhammadi di Kota Bharu. Untuk beberapa bulan selepas kembali ke Kelantan, Tok Kenali menjadikan rumah ibu beliau sebagai tempat mengajar. Dan apabila jumlah pelajarinya semakin meningkat, Tok Kenali menubuhkan pondok-pondok untuk pelajar beliau. Tok Kenali bukan sahaja orang pertama yang mengasas atau menubuhkan pondok tetapi beliau merupakan pengasas kepada sistem pengurusan pondok secara tersusun dengan menggunakan kitab dan sebagainya. Tok Kenali mempunyai anak murid yang ramai sehingga melebihi angka lima puluh ribu kalau mengikut kepada rekod yang disimpan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Anak murid Tok Kenali datang serata pelusuk dunia antaranya Vietnam, Singapura, Thailand, Indonesia dan banyak lagi negara lain.

Tempat rasmi di mana Tok Kenali mengajar ialah di Masjid Muhammadi dan pondok beliau sendiri iaitu Pondok Tok Kenali. Tok Kenali merupakan guru agama sepenuh masa dan ada juga dakwaan yang mengatakan Tok Kenali

pernah menjadi penasihat kepada Raja Kelantan pada ketika itu tetapi tidak dapat disahihkan kerana tidak mempunyai sebarang bukti. Tok Kenali pernah menolak tawaran untuk bekerja dengan kerajaan negeri pada ketika itu kerana tidak mahu beliau dibayar untuk menyampaikan ilmu agama.

Karamah yang menjadi bualan masyarakat

Karamah merupakan suatu anugerah yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada wali Allah manakala mukjizat hanya diberikan kepada para nabi. Karamah merupakan hadiah ataupun pemberian daripada Allah S.W.T kepada hamba yang terpilih dan yang istiqamah tapi tidak bermakna orang itu perlu menjadi alim atau orang hebat dan kebiasannya karamah akan diberikan oleh Allah kepada orang yang beristiqamah dalam ibadah tanpa meminta sesuatu dan hanya mengharapkan keredhaan Allah S.W.T. Bukan semestinya pelik itu karamah dan bukan semestinya karamah itu pelik.

Antara karamah atau keistimewaan yang diberikan kepada Tok Kenali ialah beliau boleh faham atau seolah-olah mampu berbicara atau mampu bercakap dengan binatang. Itu antara ilmu yang diturunkan kepada Nabi Sulaiman. Selain itu, ilmu yang ada pada Tok Kenali juga diturunkan kepada anak sulung beliau. Sebagai kisahnya, setiap hari jika ada apa-apa masalah yang akan berlaku kepada binatang, Tok kenali akan memberitahu orang kampung supaya jangan buat atau jalankan sesuatu seperti menebang pokok kerana ada binatang yang tinggal di atas pokok tersebut.

Selain itu, Tok Kenali juga mampu bercakap dengan makhluk halus kerana ada satu kisah ketika Tok Kenali sedang mengajar dan beliau menyuruh anak muridnya senyap kerana beliau berkata ada seseorang di belakang mahu bertanyakan sesuatu. Tok Kenali juga terkenal dengan kisah mampu berjalan cepat dan mampu pergi ke sesuatu tempat dalam masa yang singkat.

Disamping itu, ada peristiwa yang diceritakan dimana Tok Kenali menyimbah air kepada Tok Selehong. Kisahnya Tok Kenali mandi di telaga dan ada penduduk yang nampak Tok Kenali bermain air serta menyimbah ke sesuatu tempat. Dan penduduk berasa hairan dan mereka bertanya kepada Tok Kenali, Tok Kenali menjawab dia tengah bergurau dengan Tok Selehong

tetapi Tok Selehong tiada di tempat tersebut. Ada yang mengatakan Tok Kenali mempunyai anugerah di mana beliau mampu berinteraksi dengan orang jauh dengannya.

Tokoh yang memperjuangkan agama Islam

Tok Kenali juga merupakan salah seorang daripada tokoh yang memperjuangkan hak orang Islam dan hak Melayu dan beliau memperjuangkan tentang membaik pulih tentang budaya dan cara mengikut kehendak ataupun syariat Islam. Beliau menggesa masyarakat untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab dengan baik kerana ia merupakan bahasa Al-Quran dan bahasa syurga. Tok Kenali sangat tegas mengenai hukum syariat Islam. Adat Tok Kenali apabila memberikan wasiat atau amalan untuk yang meminta, ialah bacaan yang ringkas dan mudah untuk diamalkan. Beliau pernah menyarankan muridnya untuk membaca dua kitab dalam setiap majlis pengajian ilmu umum agar dapat menguntungkan ruang dan peluang para hadirin. Selain itu, Tok Kenali menjadi tempat orang ramai untuk berguru atau meminta khidmat nasihat tanpa mengira martabat dan beliau memberikan saranan yang bermanfaat untuk mereka.

Hasil tulisan mengenai agama oleh Tok Kenali

Tok Kenali jug salah seorang yang suka berpuisi, suka bersajak dan suka mengeluarkan beberapa kata-kata hikmat dan sebagainya tetapi beliau banyak buat penulisan dalam majalah Pengasuh dan majalah tersebut boleh didapati di Majlis Agama Islam Kelantan. Boleh dikatakan setiap minggu Tok Kenali akan mengeluarkan kata-kata dan membukukan setiap penulisan beliau. Tok Kenali tidak menulis buku untuk mendapatkan keuntungan kerana tiada rekod atau buku yang dinamakan atas nama Tok Kenali seorang kerana beliau tidak suka bermegah dengan ilmu yang diberikan oleh Allah S.W.T. Tok Kenali tidak mahu dipandang hebat oleh masyarakat kerana beliau merasakan ilmu yang diperolehi hanya pinjaman daripada Allah S.W.T dan ilmu tersebut perlu dikongsi bersama orang ramai.

Jasa dan sumbangan Tok Kenali

Tok Kenali meninggal dunia pada tahun 1933 pada usia 63 tahun pada 19 November 1933 bersamaan dengan 2 Syaaban. Alhamdulillah hasil daripada didikan Tok Kenali telah melahirkan ramai alim ulama' dan para juga mujtahid

iaitu 175 orang yang direkodkan oleh MAIK yang telah memiliki ataupun membuka pondok agama untuk menyebarkan ilmu agama Islam kepada orang ramai dan mungkin ramai lagi anak murid Tok Kenali yang membuka pondok tetapi tidak direkodkan oleh MAIK.



Rajah 2 : Makam Tok Kenali



Rajah 3 :Makam Tok Kenali

Pondok Tok Kenali

Pondok Tok Kenali ditubuhkan pada tahun 1909 oleh Tok Kenali sendiri atau nama sebenarnya Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad pada tahun 1909 setelah beliau pulang daripada makkahatul mukaramah selepas guru kesayangan beliau meninggal dunia pada tahun 1908. Pondok Tok Kenali ditubuhkan pada 1909 dan sampai sekarang masih lagi beroperasi. Pondok tersebut masih beroperasi tetapi dengan cara dan sistem yang berbeza. Pondok tersebut terletak di Kampung Kenali, Kubang Kerian, Kelantan dan dinamakan sebagai Pusat Pengajian Islam Tok Kenali.



Rajah 4 : Pusat Pengajian Islam Tok Kenali



Rajah 5 : Pusat Pengajian Islam Tok Kenali



Rajah 6 : Pusat pengajian Islam Tok Kenali

Kesimpulan

Ilmu Tok Kenali amat tinggi nilai warisannya kepada negara Malaysia hal ini kerana dengan adanya ilmu, Tok Kenali di angkat sebagai ulamak nusantara. Dengan kebolehan Tok Kenali dapat merungkai segala permasalahan yang berlaku. Oleh itu, masyarakat seharusnya mengambil peduli tentang ilmu Tok Kenali kerana dengan ilmu Tok Kenali masyarakat amnya Islam dapat mendekat diri kepada Allah S.W.T. Masyarakat juga seharusnya mempelajari ilmu Tok Kenali supaya ilmu Tok Kenali boleh dikembangkan lagi seterusnya lebih dikenali oleh generasi muda supaya syiar Islam dapat diteguhkan dalam warisan Melayu.

Warisan ilmu Tok Kenali saban hari dilihat kurang di ambil tahu oleh masyarakat terutama golongan muda. Rugi jika ilmu Tok Kenali tidak dikembangkan kepada anak muda kerana mereka adalah penyambung legasi sesuatu warisan. Sesungguhnya, pelajar-pelajar yang mempelajari ilmu Tok Kenali kebanyakan sudah tua dan uzur oleh itu anak muda seharusnya memainkan peranan untuk menyambung legasi ilmu Tok Kenali supaya tidak ditelan oleh kemodenan zaman ini.

Dengan adanya pondok Tok Kenali, ia akan memastikan para pelajarnya akan mendapatkan ilmu agama yang secukupnya serta ilmu yang dimiliki oleh Tok Kenali. Mereka akan di ajar bagaimana untuk mendalami ilmu agama

serta dapat berhujah dengan baik berdasarkan fakta serta dalil-dalil ayat Al-Quran.

Tok Kenali merupakan satu nama yang terkenal dalam pengajian Islam dengan menggunakan sistem pondok di Malaysia. Bahkan beliau juga terkenal di seluruh alam Melayu. Oleh itu, sememangnya riwayat hidup beliau perlu diketahui oleh masyarakat di luar sana agar nama Tok Kenali tidak hilang di mata dunia.

Rujukan

Hafiz Hukmi Wardi. (2018, November, 5). Temubual.

Ismail Che Daud, & Abdul Razak Mahmud. (2016). *Kisah-kisah sejarah negeri Kelantan*. Kota Bharu:

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. doi:9832391288, 9789832391289

Majlid Memperingati Tokoh Ulama' Nusamtara (HAUL) - Tok Kenali - & Maulid Perdana Rasulullah S.A.W